

KEMPEN PEROLEHAN KAD KREDIT UMUM HLB

Dikemaskini pada 27 April 2022

TEMPOH KEMPEN

“Kempen Perolehan Kad Kredit Umum HLB” (“Kempen”) Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (“HLB”) bermula pada **1 Mac 2022** pukul 00:00:00 jam (12:00 pagi) dan berakhir pada **15 Mei 2022** pukul 23:59:59 jam (11:59 malam), termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Kempen”), melainkan dinyatakan di dalam ini atau diberitahu sebaliknya.

TERMA DAN SYARAT

Terma dan syarat Kempen adalah seperti berikut (“T&S”):

KELAYAKAN

1. Kempen ini terbuka kepada Pelanggan (“Pemohon NTC”) yang telah memohon, semasa Tempoh Kempen, sekurang-kurangnya satu (1) Kad Kredit HLD (“Kad Layak”) seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah melalui saluran berikut:
 - (i) Cawangan HLB;
 - (ii) Jualan Terus HLB;
 - (iii) Perbankan Dalam Talian HLB Connect;
 - (iv) Laman Web Korporat Bank di www.hlb.com.my (“Laman Web HLB”);
 - (v) Pemasaran melalui Telefon; atau
 - (vi) Tablet Perkhidmatan Cawangan dan Jualan

Jadual 1: Kad-kad Layak bagi Kempen ini

KadLayak	
KAD KREDIT VISA	KAD KREDIT MASTERCARD
Infinite P/Infinite/Infinite Doctor's Edition	Emirates World Elite
AirAsia Gold/Platinum	Emirates World
GSC Gold/Platinum	Emirates Platinum
Sutera Platinum	
WISE Gold	
Essential Gold	
I'm	
Gold	

2. Golongan berikut **TIDAK** dianggap Pemegang Kad Kredit Prinsipal HLB dan **TIDAK** layak menyertai Kempen ini:
 - (i) Pemegang Kad Prinsipal mana-mana kad kredit HLB sedia ada;
 - (ii) Pemohon NTC yang telah menyertai kempen perolehan kad kredit HLB yang lain dalam tempoh yang sama;
 - (iii) Pemegang Kad Kredit Prinsipal sedia ada yang telah membatalkan Kad Kredit HLB mereka dan telah memohon semula Kad Kredit HLB baharu (termasuk mana-mana Kad Layak) sebagai Pemegang Kad Prinsipal dalam masa dua belas (12) bulan dari tarikh pembatalan itu;
 - (iv) Pemohon NTC yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB dan/atau Hong Leong Islamic Bank (“HLISB”) atau telah diisytiharkan muflis (menurut petisyen oleh sama ada bank atau mana-mana pihak ketiga) atau bakal dikenakan prosiding kemuflihan pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Kempen; dan
 - (v) Kakitangan HLB dan/atau HLISB sedia ada.
3. Bagi tujuan Kempen ini, semua permohonan Kad Layak oleh Pemohon NTC melalui saluran

seperti mana diperuntukkan dalam Fasal 1 di atas semasa Tempoh Kempen (“**Pemegang Kad Layak**”) adalah tertakluk kepada kelulusan HLB dan semua permohonan mestilah diluluskan dengan jayanya selewat-lewatnya **31 Mei 2022**.

KAEDAH KEMPEN

4. Dengan syarat Fasal 3 di atas dipenuhi, Pemegang Kad Layak akan berhak menikmati tawaran-tawaran berikut:

(a) Pengecualian Fi Tahunan (“Pengecualian Fi Tahunan”)

- (i) Pemegang Kad Layak, yang telah melakukan minimum satu (1) Perbelanjaan Runcit (seperti ditakrif menurut Fasal 5 di bawah) dari sebarang jumlah untuk setiap Kad Layak diluluskan dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh kelulusan Kad Layak akan berhak menikmati Pengecualian Fi Tahunan tahun pertama.
- (ii) Pemegang Kad Emirates World Elite, Emirates World dan Emirates Platinum akan berhak menikmati Pengecualian Fi Tahunan tanpa perlu memenuhi kriteria tersebut di atas dalam Fasal 4(a)(i).

(b) Rebat RM25 (“Pulangan Tunai 1”)

- (i) Pemegang Kad Layak yang telah melakukan minimum satu (1) Perbelanjaan Runcit (seperti ditakrif menurut Fasal 5 di bawah) dari sebarang jumlah dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh kelulusan Kad Layak akan berhak menerima Pulangan Tunai Ringgit Malaysia Dua Puluh Lima (RM25) Pulangan Tunai 1.
- (ii) Bagi mengelakkan keraguan, setiap Pemegang Kad Layak akan berhak menerima HANYA satu (1) Pulangan Tunai 1 untuk setiap Kad Layak sepanjang Tempoh Kempen.
- (iii) Peruntukan Pulangan Tunai adalah dihadkan setakat maksimum Ringgit Malaysia Dua Ratus Sembilan Puluh Enam Ribu (RM296,000) atas dasar siapa-cepat, dia dapat.
- (iv) Sekiranya Pemegang Kad Layak telah memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan dalam Fasal 4(b)(i) di atas (“**Pemenang Pulangan Tunai 1**”), Pulangan Tunai 1 akan dikreditkan ke dalam akaun Kad Layak Pemenang Pulangan Tunai 1 mengikut cara yang tertera di Jadual 2 di bawah:

Jadual 2: Jadual Pemenuhan Pulangan Tunai 1

Bulan Kad Layak Diluluskan	Bulan Pemenuhan Pulangan Tunai 1
Mac 2022	Sebelum/pada 31 Julai 2022
April 2022	Sebelum/pada 31 Ogos 2022
Mei 2022	Sebelum/pada 30 September 2022

- (v) Pemenang Pulangan Tunai 1 akan diberitahu oleh HLB dengan cara menyiarkan senarai Pemenang Pulangan Tunai 1 (nama Pemegang Kad Utama dan/atau nombor Kad Layak terlindung dan/atau kelayakan pulangan tunai) dalam Laman Web HLB sebelum atau pada tarikh yang tertakluk dalam Bulan Pemenuhan Pulangan Tunai 1 masing-masing.
- (vi) Sekiranya Pulangan Tunai 1 tidak diterima, Pemenang Pulangan Tunai 1 hendaklah memaklumkan HLB dalam masa satu (1) bulan selepas tamat Bulan Pemenuhan Pulangan Tunai 1 berkenaan, jika gagal berbuat demikian maka Pemenang Pulangan Tunai 1 dianggap telah menerima Pulangan Tunai 1 itu.

(c) Pulangan Tunai RM25 Pendaftaran HLB Connect (“Pulangan Tunai 2”)

- (i) Pemegang Kad Layak yang telah mendaftar untuk Perbankan dalam Talian HLB Connect atau Perbankan Mudah Alih HLB Connect (“**HLB Connect**”) dalam masa enam puluh (60) hari dari tarikh kelulusan Kad Layak akan berhak menerima Ringgit Malaysia Dua Puluh Lima (RM25) Pulangan Tunai 2.
- (ii) Untuk mengelakkan keraguan, setiap Pemegang Kad Layak HANYA berhak menerima satu (1) Pulangan Tunai 2 sepanjang Tempoh Kempen.
- (iii) Peruntukkan Pulangan Tunai 2 adalah dihadkan setakat maksimum Ringgit Malaysia Seratus Lapan Puluh Lima Ribu (RM185,000) atas dasar siapa-cepat, diadapat.
- (iv) Sekiranya Pemegang Kad Layak telah memenuhi syarat-syarat yang tersebut di bawah Fasal 4(c)(i) di atas (“**Pemenang Pulangan Tunai 2**”), Pulangan Tunai 2 akan dikreditkan ke dalam akaun Pemenang Pulangan Tunai 2 mengikut Jadual 3 di bawah:

Jadual 3: Jadual Pemenuhan Pulangan Tunai 2

Bulan Kad Layak Diluluskan	Bulan Pemenuhan Pulangan Tunai 2
Mac 2022	Sebelum/pada 31 Julai 2022
April 2022	Sebelum/pada 31 Ogos 2022
Mei 2022	Sebelum/pada 30 September 2022

- (v) Para Pemenang Pulangan Tunai 2 akan diberitahu oleh HLB dengan cara menyiarkan senarai Pemenang Pulangan Tunai 2 (iaitu nama dan/atau nombor Kad Layak terlindung dan/atau kelayakan pulangan tunai) di Laman Web HLB dalam bulan sama dengan Bulan Pemenuhan Pulangan Tunai 2.
- (vi) Sekiranya Pulangan Tunai 2 tidak diterima, para Pemenang Pemenang Pulangan Tunai 2 hendaklah memberitahu HLB selewat-lewatnya satu (1) bulan selepas Bulan Pemenuhan Pulangan Tunai 2, jika tidak para Pemenang akan dianggap telah menerima Pulangan Tunai 2 itu.

(d) Dapat sebanyak Pulangan Tunai RM300 dengan Perbelanjaan Bulanan RM500 sepanjang 3 bulan (“Pulangan Tunai 3”)

- (i) Bagi Pemegang Kad Layak yang telah melakukan Perbelanjaan Runcit dengan Kad Layak (seperti yang tertakluk di Fasal 5 di bawah) Ringgit Malaysia Lima Ratus Ringgit (RM500) untuk tiga (3) bulan berturut-turut dalam **Tempoh Perbelanjaan Pulangan Tunai 3** seperti yang tertakluk di Jadual 4 di bawah akan berhak menerima Pulangan Tunai sebanyak maksimum Ringgit Malaysia Tiga Ratus Ringgit (RM300) Pulangan Tunai 3.

Jadual 4: Tempoh Perbelanjaan Pulangan Tunai 3

Bulan Kelulusan Kad Layak	Bulan Pertama	Bulan Ke-2	Bulan Ke-3
1 – 31 Mac 2022	Berbelanja sebelum/pada 31 Mei 2022	Berbelanja sebelum/pada 30 Jun 2022	Berbelanja sebelum/pada 31 Julai 2022
1 – 30 April 2022	Berbelanja sebelum/pada 30 Jun 2022	Berbelanja sebelum/pada 31 Julai 2022	Berbelanja sebelum/pada 31 Ogos 2022
1 – 31 Mei 2022	Berbelanja sebelum/pada 31 Julai 2022	Berbelanja sebelum/pada 31 Ogos 2022	Berbelanja sebelum/pada 30 September 2022

- (ii) Untuk mengelakkan keraguan, setiap Pemegang Kad Layak akan berhak menerima Pulangan Tunai 3 Ringgit Malaysia Seratus (RM100) setiap bulan jika Perbelanjaan Runcit Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500) dilakukan pada bulan yang tertakluk dalam Bulan Perbelanjaan Pulangan Tunai 3.
- (iii) Jumlah peruntukkan Pulangan Tunai 3 adalah dihadkan kepada Ringgit Malaysia Dua Juta Dua Ratus Dua Puluh Ribu (RM2,220,000) atas dasar siapa cepat, dia dapat sepanjang Tempoh Perbelanjaan Pulangan Tunai 3 seperti yang tertakluk dalam Jadual 4 di atas.
- (iv) Tertakluk kepada jumlah peruntukkan dalam Fasal 4(d)(iii) di atas, sekiranya Pemegang Kad Layak memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan dalam Fasal 4(d)(i) dan/atau Fasal 4(d)(ii) di atas ("**Pemegang Pulangan Tunai 3**"), Pulangan Tunai 3 akan dikreditkan ke dalam akaun kad kredit Pemegang Pulangan Tunai 3 mengikut Jadual 5 di bawah:

Jadual 5: Jadual Pemenuhan Pulangan Tunai 3

Bulan Kad Layak Diluluskan	Bulan Pemenuhan Pulangan Tunai 3
Mac 2022	31 Julai 2022, 31 Ogos 2022, & 30 September 2022
April 2022	31 Ogos 2022, 30 September 2022 & 31 Oktober 2022
Mei 2022	30 September 2022, 31 Oktober 2022 & 30 November 2022

- (v) Pemegang Pulangan Tunai 3 akan dimaklumkan oleh HLB pada setiap bulan dengan cara penyiaran senarai Pemegang Pulangan Tunai 3 (i.e. nama-nama dan/atau nombor Kad Layak terlindung dan/atau jumlah pulangan tunai) di Laman Web HLB dalam bulan yang sama dengan Bulan Pemenuhan Pulangan Tunai 3.
- (e) **Balance Transfer @ 0% p.a. ("BT")**
- (i) Tawaran Balance Transfer 0% setahun ini ("BT") terbuka kepada semua Pemegang Kad Layak yang telah memohon untuk BT dalam masa tiga puluh (30) hari dari tarikh kelulusan Kad Layak;
 - (ii) Pelan BT tertakluk kepada "**Tempoh Pembayaran BT**", "**Amaun Minimum BT**" dan "**Kadar Faedah BT**" telah ditetapkan dalam Jadual 5 di bawah.

Jadual 6

Tempoh Pembayaran BT	Amaun Minimum BT	Kadar Faedah BT
12 bulan	RM1,000	0.00% setahun

- (iii) Tawaran BT membenarkan Pemegang Kad Layak untuk mengkreditkan Amaun BT Diluluskan (seperti yang ditaktifkan dalam Fasal 4(e)(v) di bawah) kepada kad kredit dengan bank lain di Malaysia melalui InterBank GIRO ("**IBG**").
- (iv) Pemegang Kad Layak boleh memohon untuk Amaun Minimum BT ("**Amaun Minimum BT**") yang ditetapkan di Jadual 6 di atas dan maksimum adalah Ringgit Malaysia Tiga Puluh Ribu (RM30,000) atau 50% daripada had kredit tersedia ada pada Kad Layak, yang mana lebih rendah dan tertakluk kepada kelulusan HLB.
- (v) Amaun BT yang diluluskan oleh HLB dari Tawaran BT tersebut akan dianggap sebagai ("**Amaun BT Diluluskan**").
- (vi) Sekiranya HLB meluluskan permohonan BT Pemegang Kad Yang Layak, Amaun BT Diluluskan akan dipindahkan ke akaun BT ("**Akaun BT**") Pemegang Kad Yang Layak.
- (vii) Pemegang Kad Yang Layak tidak berhak mendapatkan mata ganjaran atau pulangan tunai dari Tawaran BT.
- (viii) Permohonan BT hanya boleh dilakukan melalui cawangan HLB, Pemasaran melalui Telefon, Jualan Terus HLB dan Pusat Hubungan HLB. Pemegang Kad Layak akan diberitahu melalui surat, e-mel dan/atau Sistem Pesanan Ringkas ("**SMS**") dengan

alamat e-mel dan nombor telefon dalam sistem HLB selepas permohonan BT telah diluluskan.

- (ix) Setelah permohonan BT telah diluluskan, amaun had kad kredit Pemegang Kad Layak akan dikurangkan ke Amaun BT Diluluskan. HLB tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang transaksi yang ditolak oleh peniaga disebabkan oleh ketiadaan had kredit yang diperuntukkan bagi tujuan ini. Had kad kredit akan dipulihkan selepas Pemegang Kad Layak membayar balik Amaun BT Diluluskan.
- (x) Pemegang Kad Layak perlu membayar bayaran minimum yang dinyatakan dalam penyata bulanan kad kredit layak pada tarikh perlu dibayar. "**Bayaran Minimum**" ditakrifkan sebagai:
 - a. 5% daripada amaun belum jelas dalam Akaun BT; atau
 - b. Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50)yang mana lebih tinggi.
Untuk mengelakkan keraguan, "**Amaun Belum Jelas**" mewakili amaun belum jelas termaksud fi, faedah terakru, caj kewangan dan caj lain.
- (xi) Sekiranya Pemegang Kad Layak gagal membuat pembayaran Bayaran Minimum juga akan menyebabkan fi bayaran lewat sebanyak 1% daripada Amaun Belum Jelas pada kad kredit layak dan Akaun BT, minimum Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10), yang mana lebih tinggi, tertakluk kepada maksimum Ringgit Malaysia Seratus (RM100).
- (xii) Sekiranya salah satu peristiwa tersebut berlaku:
 - a. Pemegang Kad Layak melanggar mana-mana terma dan syarat serta terma dan syarat Perjanjian Pemegang Kad HLB;
 - b. Kad kredit layak Pemegang Kad Layak ingkar selama sembilan puluh (90) hari; dan/atau
 - c. Kad kredit layak Pemegang Kad Layak dibatalkan atau ditamatkan sebelum berakhirnya tempoh,Amaun Belum Jelas dari Amaun BT Diluluskan akan segera menjadi terhutang dan perlu dibayar dan Pemegang Kad Layak perlu membayarkan Amaun Belum Jelas. Kadar Faedah BT yang diluluskan akan dimutlakkan dan faedah sebanyak 18% setahun akan dicaj ke atas amaun belum jelas dalam Akaun BT setiap hari sehingga pembayaran penuh. Namun begitu, jika permohonan BT dilakukan dari Kad Hong Leong Platinum Business, baki belum jelas akan dianggap amaun tersebut dicajkan daripada transaksi runcit di mana caj kewangan semasa berdasarkan Struktur Harga Berperingkat akan dikenakan.
- (xiii) Sementara menunggu kelulusan permohonan BT Pemegang Kad yang Layak, Pemegang Kad yang Layak akan terus bertanggungjawab untuk membuat pembayaran kepada Akaun(-akaun) Kad Kredit/Caj lain dengan institusi kewangan dan/atau syarikat pengeluar menurut kawal selia yang sama. HLB tidak akan bertanggungjawab ke atas faedah atas sebarang bayaran tertunggak atau sebarang caj kewangan atau caj lain yang ditanggung akibat kegagalan atau kelewatan Pemegang Kad yang Layak dan/atau HLB dalam membuat pembayaran kepada Akaun Kad Kredit Caj lain dengan institusi kewangan dan/atau syarikat yang mengeluarkannya.
- (xiv) Sekiranya Pemegang Kad Layak ingin menjelaskan Amaun Belum Jelas Akaun BT dengan sepenuhnya sebelum tamat Tempoh Pembayaran BT, Fi Penyelesaian Awal sebanyak Ringgit Malaysia Tjug Puluh (RM70) akan dikenakan kepada Akaun BT Pemegang Kad Layak dan akan disertakan dengan Amaun Belum Jelas yang perlu dibayar oleh Pemegang Kad Layak.
- (xv) Setiap Pemegang Kad Layak cuma berlayak memohon untuk satu (1) Pelan BT dari Tawaran Balance Transfer @ 0% setahun. Sekiranya Pemegang Kad Layak telah memohon dan mendapat meluluskan lebih dari satu (1) permohonan, HLB berhak mengikut budi bicara untuk megekalkan Pelan BT pertama yang diluluskan dan membatalkan yang lain.

5. **Perbelanjaan Runcit** bermaksud sebarang pembelian runcit dan dalam talian (termasuk arahan tetap dan Pelan Bayaran Mudah 0% ("**EPP**") yang dilakukan di dalam negara dan/atau luar negara (termasuk perbelanjaan yang dibuat dalam Ringgit Malaysia ("**RM**") dan/atau mata wang lain) yang telah berjaya dicaj kepada Kad Layak. Pembelian runcit yang dibuat dalam mata wang selain RM akan ditukar kepada dan dikira dalam RM berasaskan kadar penukaran yang ditentukan oleh HLB pada masa transaksi.

6. Perbelanjaan Runcit **tidak termasuk** yang berikut:

- (i) pengeluaran wang tunai dengan apa-apa cara (iaitu Mesin Teler Automatik, melalui kaunter, kuasi tunai, pendahuluan tunai, dll.);

- (ii) produk portfolio seperti Pindahan Baki (“BT”), Quick Cash One-Time Fee, Quick Cash Monthly Interest dan Pelan Bayaran Fleksi (“FPP”);
- (iii) transaksi dibayar balik, dipertikaikan, tak berjaya, dibalikkan, tanpa kebenaran, melibatkan penipuan atau menyalahi undang-undang; dan/atau
- (iv) apa-apa bentuk perkhidmatan atau fi pelbagai, termasuk caj kewangan dan fi seperti fi tahunan kad kredit, caj bayaran lewat dan cukai perkhidmatan kerajaan, yang dikenakan oleh HLB.

TERMA & SYARAT AM

7. Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad Kredit Prinsipal HLB:
- (i) bersetuju mereka telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi T&S di dalam ini, Terma dan Syarat Am Perjanjian Pemegang Kad Kredit yang boleh disemak di Laman Web;
 - (ii) bersetuju semua rekod tarikh transaksi di dalam atau di luar Malaysia yang dirakam oleh sistem HLB dalam Kempen ini adalah tepat dan muktamad;
 - (iii) bersetuju keputusan HLB atas semua hal berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat ke atas seluruh Pemegang Kad Layak;
 - (iv) bersetuju Pengecualian Fi Tahunan dan/atau Pulangan Tunai 1 dan/atau Pulangan Tunai 2 dan/atau Pulangan Tunai 3 tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai atau manfaat barangan;
 - (v) bersetuju mengakses Laman Web HLB dari semasa ke semasa untuk menyemak T&S Kempen ini, untuk memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada T&S dan mengambil tindakan susulan dengan HLB jika mereka disenaraikan untuk kelayakan menerima Pulangan Tunai 1 dan/atau Pulangan Tunai 2 dan/atau Pulangan Tunai 3 dan/atau Tawaran BT;
 - (vi) memberi keizinan kepada HLB untuk mendedahkan atau menyiarkan nama, nombor kad pengenalan (dalam bentuk terlindung), nombor Kad Layak (dalam bentuk terlindung), amaun Pulangan Tunai 1 dan/atau Pulangan Tunai 2 dan/atau Pulangan Tunai 3 di Laman Web HLB;
 - (vii) membenarkan HLB untuk mendedahkan data peribadi mereka iaitu nombor telefon kepada penyedia perkhidmatan pihak ketiga HLB, M3 Technologies (Asia) Berhad (482772-D) dan/atau Infobip Asia Pacific Sdn. Bhd (201001014145 (898379-U)) yang HLB anggap wajar bagi tujuan Kempen ini; dan
 - (viii) bersetuju menentukan semua Kad Layak diluluskan adalah sah, aktif, berkedudukan baik dan tidak melanggar mana-mana T&S Kempen ini, dan/atau Terma dan Syarat Am Perjanjian Pemegang Kad Kredit sepanjang Tempoh Kempen dan di peringkat pemberian Pengecualian Fi Tahunan dan/atau Pulangan Tunai 1 dan/atau Pulangan Tunai 2. Bagi mengelakkan keraguan, jika Pemenang mempunyai lebih daripada 1 Kad Layak, Pulangan Tunai 1 dan/atau Pulangan Tunai 2 dan/atau Pulangan Tunai 3 akan dikreditkan ke dalam akaun Kad Layak yang mempunyai bilangan transaksi yang terbanyak.
8. HLB berhak:
- (i) melupuskan dan/atau menolak balik Pengecualian Fi Tahunan dan/atau Pulangan Tunai 1 dan/atau Pulangan Tunai 2 dan/atau Pulangan Tunai 3 jika berlaku pembalikan Perbelanjaan Runcit atau penamatan Kad Layak semasa Tempoh Kempen dan/atau di peringkat pemberian Pengecualian Fi Tahunan dan/atau Pulangan Tunai 1 dan/atau Pulangan Tunai 2 dan/atau Pulangan Tunai 3 atau tidak mematuhi T&S di dalam ini;
 - (ii) menggantikan Pengecualian Fi Tahunan dan/atau Pulangan Tunai 1 dan/atau Pulangan Tunai 2 dan/atau Pulangan Tunai 3 di dalam ini dengan pemberian lain yang sama nilainya dengan cara menyiarkannya di Laman Web HLB atau dengan apa-apa cara lain yang HLB anggap sesuai, untuk memberi notis awal kepada Pemegang Kad Prinsipal HLB;
 - (iii) menambah, menggugurkan atau meminda T&S di dalam ini, secara keseluruhan atau sebahagian, atau menamatkan Kempen ini melalui siaran di Laman Web HLB, atau apa-apa cara lain yang HLB anggap sesuai, untuk memberi notis awal kepada Pemegang

- Kad Prinsipal HLB tentang penambahan, pengguguran atau pindaan T&S atau penamatan Kempen ini; dan
- (iv) melucutkan kelayakan Pemegang Kad Layak daripada menerima Pengecualian Fi, Pulangan Tunai 1, dan/atau Pulangan Tunai 2 dan/atau Pulangan Tunai 3 yang telah melakukan Perbelanjaan Runcit di luar maksud T&S ini, dengan cara atau corak yang HLB anggap luar biasa, di luar aturan dan/atau membayangkan suatu percubaan untuk mendapat faedah tak saksama ke atas Pemegang Kad Layak lain yang mempunyai corak perbelanjaan yang biasa/teratur dan keputusan HLB dalam hal ini adalah muktamad dan mengikat ke atas seluruh Pemegang Kad Layak.
 - (v) menolak permohonan BT yang dikemukakan oleh Pemegang Kad Layak; dan
 - (vi) membatalkan kelayakan mana-mana Pemegang Kad Layak daripada permohonan BT.
9. HLB tidak akan bertanggungjawab atas kegagalan atau kelewatan penghantaran dan/atau pemprosesan permohonan Kad Layak dan/atau transaksi jualan di pihak Visa international Incorporated, MasterCard Worldwide, organisasi Peniaga, penyedia perkhidmatan pos atau mana-mana pihak yang menyebabkan Pemegang Kad Prinsipal tertinggal daripada menyertai Kempen ini.
10. Selain terma-terma yang dinyatakan di atas, Pemegang Kad Prinsipal HLB bersetuju Terma dan Syarat Am Perjanjian Pemegang Kad Kredit hendaklah dibaca bersama-sama dengan T&S di dalam ini sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Jika ada percanggahan antara T&S ini dengan Terma dan Syarat Am Perjanjian Pemegang Kad Kredit, maka terma-terma tertentu di atas hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.
11. Sekiranya terdapat percanggahan antara T&S ini berbanding dengan bahan-bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Kempen ini, maka terma dan syarat muktamad di Laman Web HLB akan diutamakan.
12. T&S di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad Layak bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia.
13. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak, begitu juga sebaliknya.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan berkaitan Terma dan Syarat, anda boleh mendapatkan penjelasan daripada kakitangan kami yang membantu anda. Sebagai alternatif, sila e-mel kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my.